



16 Ogos 2023

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BERHUBUNG KEHADIRAN SAKSI-SAKSI KE PROSIDING PAC PARLIMEN**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengambil maklum bahawa majoriti prosiding-prosiding yang diadakan ada membabitkan saksi yang terdiri daripada mantan pegawai tinggi kerajaan terutama sekali Pegawai Pengawal dan Ketua Setiausaha (KSU).
2. Ini bagi memastikan segala isu yang dibangkitkan ketika sesuatu prosiding terutama membabitkan isu dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mendapat penjelasan/keterangan sewajarnya daripada semua pihak berkepentingan.
3. PAC mengambil maklum bahawa tempoh perkhidmatan Pegawai Pengawal/KSU yang dilaporkan dalam LKAN biasanya melangkaui tempoh perkhidmatan Pegawai Pengawal/ KSU sedia ada, hingga menyebabkan Pegawai Pengawal/KSU berkenaan gagal memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang didapati kerana ia berlaku bukan pada tempoh perkhidmatan Pegawai Pengawal/KSU terbabit.
4. Justeru, adalah amat penting untuk semua Pegawai Pengawal/KSU bertanggungjawab terhadap PAC seperti termaktub dalam Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) dengan memastikan kehadiran semua saksi termasuk mantan Pegawai Pengawal/KSU apabila dipanggil oleh Jawatankuasa untuk menghadiri prosiding ini.

5. Sehubungan itu, PAC ingin menegaskan bahawa kesemua mantan Pegawai Pengawal/KSU perlu bertanggungjawab dan hadir bagi menjelaskan mengenai isu-isu yang timbul semasa mereka menerajui Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan terbabit.
6. Dalam memastikan PAC menjalankan siasatan yang menyeluruh, ketidakhadiran mantan Pegawai Pengawal/KSU akan menyebabkan laporan PAC tidak komprehensif. Justeru, Jawatankuasa ini akan menyiarkan kepada umum nama-nama saksi yang enggan hadir dalam prosiding PAC supaya rakyat mengetahui bahawa isu-isu yang disiasat oleh PAC tidak mendapat kerjasama daripada individu-individu berkenaan.
7. Keengganan mantan Pegawai Pengawal/KSU ini untuk hadir ke prosiding PAC merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 9 (a) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347) dan secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa terdapat perkara yang ingin disembunyikan oleh mantan Pegawai Pengawal/KSU berkenaan.
8. Pada masa sama, PAC menuntut Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengambil maklum sekiranya ada, mantan Pegawai Pengawal/KSU yang enggan hadir dalam prosiding jawatankuasa ini. Selain itu, PAC juga mahu satu mekanisme perlu diwujudkan oleh Kerajaan agar kesemua mantan Pegawai Pengawal/KSU yang dipanggil, menghadirkan diri ke prosiding PAC.
9. Kehadiran saksi-saksi dalam prosiding PAC adalah platform terbaik untuk mereka (mantan Pegawai Pengawal/KSU) memberikan penjelasan serta keterangan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam LKAN.

10. Pada masa sama, adalah penting untuk PAC menyediakan laporan yang komprehensif dan telus dengan mengambil kira keterangan dan penjelasan semua pihak berkepentingan dalam isu yang disiasat supaya laporan itu benar-benar seimbang demi kepentingan semua pihak.
  
11. Laporan PAC yang komprehensif dan telus ini juga adalah selaras dengan perbahasan Ahli-ahli Parlimen ketika perbahasan LKAN di Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya PAC menyiasat dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**